

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
[PULAI]**

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN :

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta PERDANA
MENTERI menyatakan bidang baru ekonomi yang dikenal pasti
dapat melonjakkan negara menjadi pemain utama dalam “*global
supply chain*”.**

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Antara bidang baru ekonomi yang berpotensi melonjakkan Malaysia untuk menjadi salah satu pemain utama dalam *global supply chain* adalah industri aeroangkasa dan pembangunan peranti perubatan.

Industri aeroangkasa menyumbang nilai eksport sebanyak RM2.9 bilion pada tahun 2014, meningkat 20.3% berbanding tahun sebelumnya. Blueprint Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 telah dirangka untuk menjadikan Malaysia pasaran aeroangkasa utama di Asia Tenggara pada tahun 2030. Pelan tersebut memberi tumpuan kepada empat fokus utama iaitu:

- i. Pengurusan penerbangan dan aeroangkasa;
- ii. Penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO);
- iii. Reka bentuk, pembangunan, pemasangan, dan operasi pesawat ringan; dan
- iv. Perkhidmatan sokongan.

Di samping itu, industri aeroangkasa juga telah menjadi salah satu fokus dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu untuk mengembangkan perkhidmatan penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat (MRO) dalam industri penerbangan; dan untuk menjadikan Malaysia sebuah hab pengeluar peralatan asli (*original equipment manufacturers* - OEM) aeroangkasa di Asia Tenggara.

Bidang lain yang turut diberi perhatian dalam *global supply chain* adalah pembangunan industri peranti perubatan yang melibatkan antara lain produk ortopedik, peralatan pembedahan dan peralatan radiografi diagnostik. Pada tahun 2014, eksport peranti perubatan mencatatkan pertumbuhan 13% dengan nilai eksport sebanyak RM13.5 bilion berbanding RM11.9 bilion pada tahun 2013.

Di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan, Kerajaan telah menyenaraikan beberapa projek permulaan (EPP) yang signifikan untuk melonjakkan bidang ini ke tahap rangkaian nilai yang lebih tinggi. Antara EPP tersebut adalah mempamerkan kebolehan Malaysia dalam penghasilan produk teras peranti perubatan pakai buang, hab pembuatan peranti perubatan bernilai tinggi serta membangunkan kluster perkakasan dan perabot perubatan.

Sekian, terima kasih.